

8. GARISPANDUAN PEMBINAAN BUMBUNG TEMPAT MELETAK KENDERAAN DI KAWASAN PEMAJUAN KEDIAMAN BERTINGKAT/PERUMAHAN HAKMILIK STRATA

Majlis dalam mestuaratnya pada 10.08.2001 telah memutuskan untuk **menerima dan gunakan** Garispanduan Pembinaan Bumbung Tempat Meletak Kenderaan Di Kawasan Pemajuan Kediaman Bertingkat/Perumahan Hakmilik Strata tertakluk kepada perkara perkara berikut :-

1. Permbinaan bumbung tempat meletak kenderaan ini tidak boleh melebihi lot sempadan.
2. Bumbung tempat meletak kenderaan ini hendaklah dibina mencuram ke arah lot pemajuan. Penyediaan talang (gutter) dan saluran tegak (downpipe) yang sempurna hendaklah disediakan jika bumbung mencuram ke arah sempadan.
3. Ruang di bawah bumbung hendaklah bebas dari sebarang sekatan-sekatan. Pembinaan sebarang struktur selain dari tiang bagi bumbung tidak dibenarkan sama sekali.
4. Jurutera bertauliah perlu mengesahkan kestabilan dan kekuahan pembinaan.
5. Kebenaran dari lot berjiran hendaklah diperolehi di atas pelan bangunan dikemukakan.
6. Bagi tempat meletak kenderaan yang disediakan di dalam kawasan garisan bangunan. Pembinaan bumbung ini tidak dibenarkan.
7. Pelan bangunan yang sempurna hendaklah dikemukakan oleh arkitek perunding untuk pertimbangan Majlis.

Majlis juga bersetuju supaya garispanduan ini digunakan berkuatkuasa pada **10.08.2001**.